

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI
ZAKARIA (PARIT)**

TARIKH : 29 SEPTEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

**DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA (PARIT) minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan :-**

(a) apakah langkah drastik yang telah diambil oleh Kementerian bagi membantu pengusaha bas yang berhadapan situasi gulung tikar akibat daripada sekatan rentas negeri; dan

(b) adakah terdapat sebarang usaha bagi memastikan pengusaha bas ini mampu bertahan sekiranya larangan rentas negeri masih berterusan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha untuk membantu semua pemandu kenderaan pengangkutan awam termasuk pengusaha bas yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Mengambil kira cabaran yang dihadapi oleh pihak syarikat dan pemilik kenderaan di dalam keadaan semasa, Kementerian Pengangkutan (MOT) telah memberi kebenaran khas kepada semua kenderaan perkhidmatan awam, tambahan dua (2) tahun secara automatik kepada had usia maksimum untuk didaftarkan atau penggantian, tertakluk kepada kelulusan pemeriksaan PUSPAKOM ke atas kenderaan tersebut. Ini bermakna, mana-mana kenderaan

SOALAN NO : 21

perkhidmatan pengangkutan awam yang telah mencapai had usia maksimum untuk didaftarkan pada 1 Januari 2020 sehingga 31 Disember 2021 dan perlu diganti, akan diberikan tambahan satu tahun lagi secara automatik.

Dengan pemberian tambahan had usia automatik dua (2) tahun ini, semua pengusaha dan pemilik dapat menangguhkan penggantian kenderaan terbabit untuk dua (2) tahun lagi. Pelanjutan ini melibatkan semua kelas kenderaan perkhidmatan di bawah skop tanggungjawab Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) serta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sabah dan LPKP Sarawak.

Rang Undang-undang (RUU) Langkah-Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (Covid-19) 2020 yang telah diluluskan juga telah dapat membantu semua pengusaha kenderaan pengangkutan awam dan barangan untuk menjana pendapatan tambahan dengan memberi kebenaran untuk menyediakan perkhidmatan lain seperti penghantaran barang/parcel sekiranya tidak membawa penumpang atau sebaliknya. Kelulusan sementara ini hanyalah untuk sepanjang tempoh PKP berkuatkuasa dan bertujuan mewujudkan ruang-ruang tambahan kepada pemandu terlibat untuk mendapatkan pendapatan mereka.

Kerajaan juga telah meneruskan inisiatif pemberian *Interim Stage Bus Support Fund* (ISBSF) [dikenali sebagai Dana Bantuan Sementara Pengusaha Bas Berhenti-Henti (DBSPB) di Sarawak] di seluruh Malaysia untuk tahun 2021 dan 2022 dengan peruntukan sebanyak 105 juta ringgit setahun. Di bawah inisiatif ini kerajaan akan menanggung kerugian kos operasi pengendali bas berhenti-henti sedia ada bagi memastikan perkhidmatan kekal disediakan untuk kemudahan rakyat.

Bagi perkhidmatan bas berhenti-henti di bawah inisiatif *Stage Bus Service Transformation* (SBST) pula peruntukan sebanyak 48 juta setahun disediakan untuk memastikan perkhidmatan dengan jenama myBAS ini terus kekal beroperasi di Seremban, Ipoh, Kuala Terengganu dan Perlis malah akan diperluaskan ke Johor Bahru, Kota Bahru, Kuching dan Kota Kinabalu.